

# Chong Wei dapat Perdana

➔ Pemenang perak lain terima Suprima manakala Azizulhasni, dapat Persona

Oleh Fahmy Azril Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

▸ Subang Jaya

**S**emua pemenang pingat Sukan Olimpik Rio 2016 menerima kenderaan

masing-masing daripada DRB-HICOM Bhd (DRB-HICOM) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Proton Holdings Bhd (PROTON) pada Majlis Penghargaan Kepada Pemenang Pingat Olimpik Malaysia di sini, semalam.

Lapan kereta keluaran PROTON itu diberikan kepada atlet terbabit dengan Chong Wei menerima Perdana 2.4 liter yang bernilai RM138,888 sebagai menghargai pencapaiannya meraih pingat perak ketiga berturut-turut sejak edisi 2008 di Beijing.

Pemenang pingat perak yang lain iaitu beregu lelaki, Goh V Shem-Tan Wee Kiong; beregu campuran, Chan Peng Soon-Goh Liu Ying dan pasangan

terjun, Pendelela Rinong-Cheong Jun Hoong dihadiahkan dengan kereta model Suprima S Turbo 1.6 liter bernilai RM80,350 setiap satu.

Jaguh berbasikal trek, Azizulhasni Awang yang meraih gangsa dalam acara keirin menerima Persona Premium 1.6 liter bernilai RM59,800.

Hadiah kenderaan itu disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM dan Pengerusi PROTON, Datuk Seri Syed Faisal Albar.

Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar; Ketua Kontinjen Negara, Tan Sri Mohamed Al Amin Majdi dan Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia

(MOM), Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria.

Syed Faisal berkata, pihaknya berbesar hati menghadiahkan kereta nasional yang menjadi ikon negara kepada atlet terbabit.

## Jadi inspirasi

"Kami berharap dengan pencapaian empat perak dan satu gangsa di Sukan Olimpik Rio 2016, ia menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk menghasilkan pencapaian yang lebih membanggakan.

"DRB-HICOM dan PROTON mengucapkan tahniah serta syabas kepada semua pemenang pingat yang mengharumkan nama negara," katanya.

[FOTO OSMAN ADNAN/BH]



Khairy (tiga dari kanan) memakaikan jeket pada atlet terjun, Pandelega Rinong di Subang Jaya, semalam.